

Hubungan antara perkahwinan dengan *self-esteem*

Suriyani Binti Yahya

Fatahyah Yahya

yfatahyah@fcs.unimas.my

Aina Razlin Mohammad Roose

Universiti Malaysia Sarawak

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenalpasti hubungan antara perkahwinan dengan self-esteem. Kajian ini juga dijalankan untuk mengenalpasti perbezaan antara faktor demografi terpilih iaitu jantina, umur dan pangkat dengan self-esteem, mengenalpasti hubungan antara aspek komunikasi dan kawalan terhadap self-esteem. Soalselidik diedarkan kepada 219 anggota tentera di Markas 3 Briged Kem Penrisen Kuching, Sarawak.. Ujian-t tidak bersandar dan ujian ANOVA sehala digunakan untuk menguji hipotesis berkaitan perbezaan antara faktor demografi dengan self-esteem. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara umur dengan self-esteem dan pangkat dengan self-esteem. Hanya faktor demografi jantina yang tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan self-esteem. Pengkaji mendapati hubungan yang wujud antara perkahwinan dengan self-esteem adalah tidak linear, maka Pekali Spearman Rho telah digunakan untuk menguji hubungan di antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara perkahwinan dengan self-esteem. Pekali Pearson Product-Moment pula digunakan untuk menganalisis hubungan antara aspek komunikasi dan kawalan dengan self-esteem. Hasil dari penganalisisan mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara aspek komunikasi dan kawalan dengan self-esteem.

Pendahuluan

Sekitar penghujung 90-an, saintis sosial mula peka terhadap perubahan yang berlaku dalam institusi keluarga seiring dengan kepesatan pembangunan dan proses urbanisasi yang berlaku. Pelbagai isu yang timbul seperti kemiskinan, pekerja kanak-kanak, peningkatan kes penceraian, dan pelbagai lagi perkembangan negatif telah mengganggu fungsi sesebuah keluarga (Khasgiwala, 1993).

Menurut Wilson dan Oswald (2005), kajian yang telah dijalankan oleh sosiologis, psikologis dan epidemiologis menunjukkan bahawa mereka yang telah berkahwin mempunyai kesihatan fizikal dan psikologi yang lebih baik, usia yang lebih lanjut serta berada dalam keadaan yang gembira berbanding mereka yang belum berkahwin atau yang telah bercerai. Kajian yang dilakukan untuk melihat perbezaan antara individu yang telah dengan yang belum berkahwin pula menunjukkan mereka yang telah berkahwin mendapat manfaat yang lebih berbanding dengan yang belum berkahwin di mana manfaat tersebut lebih banyak dirasai oleh golongan lelaki berbanding wanita (Wilson and Oswald, 2005). Menurut Scott (2001), perkahwinan yang bermasalah secara tidak langsung akan memberi kesan negatif kepada golongan dewasa (pasangan suami isteri), anak-anak dan komuniti. Scott (2001) turut menyatakan bahawa permasalahan rumah tangga akan menyumbang kepada tekanan kepada pasangan suami isteri. Justeru itu, kajian ini dijalankan kerana pengkaji berminat untuk melihat perkaitan di antara perkahwinan dengan *self-esteem* dalam konteks masyarakat di Malaysia.

Kajian ini memberi banyak implikasi bukan sahaja terhadap pengkaji tetapi juga kepada responden dan organisasi terlibat serta bidang kaunseling. Impak positif yang diperolehi pengkaji melalui kajian ini adalah memperoleh maklumat baru yang berkaitan dengan *self-esteem* dengan perhubungan perkahwinan dari perspektif negara Malaysia. Diharapkan kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada pengkaji lain yang berminat dengan ruang lingkup kajian ini pada masa hadapan. Di samping itu, kajian ini juga dapat memberikan sedikit sebanyak informasi kepada anggota tentera untuk mengendalikan sekaligus meningkatkan *self-esteem* dan perhubungan perkahwinan agar institusi kekeluargaan dan kerjaya yang dibina bergerak seiring dan berjaya mencapai matlamat masing-masing. Pihak organisasi juga mendapat faedah dengan merangka satu sistem yang sistematik bagi memastikan setiap pekerja mempunyai *self-esteem* yang tinggi dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi perkhidmatan organisasi hasil daripada dapatan kajian ini. Selain dari itu, dalam perspektif kaunseling pula kajian ini dapat membantu para kaunselor untuk mengenal pasti isu yang kerap membelenggu anggota tentera terutamanya di Markas 3 Briged Kem Penrissen Kuching. Selain itu, kaunselor juga boleh memikirkan modul yang berkaitan dengan kajian untuk membantu mereka meningkatkan pencapaian dalam rumah tangga dan kerjaya.

Antara limitasi kajian ini adalah ia hanya dijalankan di kalangan anggota tentera yang berkhidmat di Markas 3, Briged Kem Penrissen, Kuching, Sarawak. Jumlah responden yang dipilih juga adalah kecil berbanding dengan populasi kajian yang sebenar. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini mungkin tidak mencakupi perspektif keseluruhan anggota tentera yang bertugas di negeri lain kerana kajian ini lebih menjurus kepada anggota tentera yang bertugas di Markas 3 Briged Kem Penrissen Kuching, Sarawak sahaja. Selain itu, kajian hanya terhad untuk mengkaji dua sub skala perhubungan perkahwinan sahaja yang terdapat dalam *Dyadic Relationship Scale* (2003). Selain itu, teori yang digunakan dalam kajian ini adalah terhad dan tidak melibatkan keseluruhan teori yang berkaitan tentang perhubungan perkahwinan dan *self-esteem*. Scenario ini akan menyebabkan terdapat beberapa idea yang dinyatakan dalam kajian ini berbeza dengan teori lain kerana setiap teori mempunyai keunikan tersendiri dan mempunyai elemen utama yang berbeza-beza.

Penggunaan kaedah kuantitatif sahaja turut menjadi salah satu kekangan dalam kajian ini. Kajian ini tidak melibatkan sebarang kaedah kualitatif sama ada berbentuk temubual atau menyediakan soalan terbuka di dalam borang soal selidik. Justeru itu, dapatan yang diperolehi hanya akan menjurus kepada faktor yang mempengaruhi perhubungan perkahwinan dengan *self-esteem* yang telah ditetapkan oleh pengkaji sahaja dan responden tidak dapat memberikan faktor yang selain daripada itu. Limitasi lain yang terdapat dalam kajian ini adalah pengkaji hanya menggunakan kaedah persampelan bertujuan dan tidak menggunakan kaedah persampelan lain. Kaedah persampelan bertujuan hanya akan fokus kepada responden yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji maka bilangan responden adalah terhad berbanding dengan kaedah persampelan secara rawak yang menggunakan rumus tertentu untuk menentukan bilangan sampel maka secara keseluruhan peluang untuk setiap populasi dijadikan responden kajian adalah sama rata dan bilangan sampel adalah lebih ramai.

Tinjauan literatur

Olson (1983) dalam Khasgiwala (1993), menyatakan sekitar tahun 1970-an kebanyakan pengkaji berminat untuk mengkaji tahap kepuasan perkahwinan. Hal ini berlaku kerana topik kepuasan perkahwinan mempunyai keseronokan untuk dikaji kerana skop kajian masih tertumpu dalam bidang keluarga. Tahap kepuasan perkahwinan dipengaruhi oleh beberapa elemen termasuklah cara berkomunikasi, hubungan seks, penjagaan anak, pengurusan rumah tangga, pendekatan keagamaan, masa lapang dan hubungan sosial. Kebahagiaan

perkahwinan terhasil dari hubungan interpersonal antara suami dan isteri yang dipengaruhi oleh hubungan psikologikal yang positif dan sokongan emosi pada tahap yang maksimum. Kemesraan, saling menghormati, kesefahaman dan mempamerkan penghargaan serta kasih sayang merupakan elemen yang penting dalam membina hubungan perkahwinan yang baik dan gembira (Stinnett, Walters and Stinnet, 1991). Kajian yang dijalankan oleh Bell (1987) dalam Stinnett, et al 1991) menunjukkan persefahaman sikap di antara pasangan suami isteri secara tidak langsung akan mempengaruhi hubungan perkahwinan.

Justeru itu, dapat dilihat bahawa komunikasi turut memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi perhubungan antara pasangan suami dan isteri sekaligus turut memberi kesan kepada tahap perhubungan perkahwinan. Komunikasi yang jelas, tepat dan jujur akan menghasilkan perhubungan yang positif manakala perhubungan yang mempunyai komunikasi yang tidak jelas, kurang tepat dan tidak jujur secara langsung akan menghasilkan perhubungan perkahwinan yang negatif.

Selain aspek komunikasi aspek berkaitan kawalan juga memainkan peranan dalam kesejahteraan perhubungan perkahwinan. McNeal (n.d.), mendefinisikan kawalan dalam perkahwinan sebagai persepsi menyeluruh antara pasangan suami isteri berkaitan kebolehan untuk membuat perubahan yang signifikan dalam perkahwinan dengan cara membuat beberapa perubahan dalam diri suami atau diri isteri terlebih dahulu bagi mencapai kesejahteraan dalam perkahwinan. Menurut McNeal (n.d.), tahap penerimaan kawalan akan mempengaruhi jenis sikap pasangan suami isteri secara langsung dalam menyelesaikan masalah yang berlaku dalam perkahwinan. Individu yang yang mempunyai tahap penerimaan kawalan yang tinggi akan menggunakan pendekatan sikap yang berbentuk asertif dan berterus terang dalam menyelesaikan sesuatu masalah berbanding dengan individu yang mempunyai tahap penerimaan kawalan yang rendah lebih cenderung untuk menggunakan pendekatan penyelesaian masalah yang berbentuk agresif, pasif dan tidak berterus terang (McNeal, n.d.).

Perkembangan *self-esteem* berlaku semasa peringkat kanak-kanak, dan ia sangat bergantung kepada pengiktirafan, perhatian dan penghargaan yang diterima daripada orang lain yang berada di sekitarnya. Sekiranya keperluan *self-esteem* kanak-kanak tidak dipenuhi, mereka akan cenderung untuk berasa rendah diri dan tidak berguna. Perasaan ini akan mewujudkan sikap yang tidak selesa dalam diri kanak-kanak dan keluarganya. Perkembangan yang positif dapat dilihat dalam diri kanak-kanak yang keperluan *self-esteem* dipenuhi seperti rasa dihargai, berguna, cekap dan yakin (Stinnett, Walters and Stinnett, 1991). Pembentukan *self-esteem* seseorang sebenarnya bermula dari kecil dan sekiranya ahli keluarga dan diri individu itu tidak cuba untuk berubah dikhuatiri perkembangan individu tersebut akan kurang memuaskan.

Coopersmith (1967) dalam Berns, 2004), menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi perkembangan *self-esteem* seseorang. Antaranya ialah nilai penghormatan, penerimaan, dan perhatian yang diterima daripada orang yang signifikan dalam hidup seseorang termasuklah ahli keluarga. Faktor seterusnya adalah sejarah kejayaan, status dan kedudukan yang pernah dicapai oleh individu. Semakin banyak kejayaan yang dicapai, dan semakin seseorang itu dikenali maka semakin meningkat perkembangan *self-esteem* individu tersebut.

Brown dan Longmore (2002), telah melakukan satu kajian yang bertujuan mengkaji perkaitan di antara jenis perhubungan (ikatan) dengan *self-esteem* yang memfokuskan kepada potensi peranan dalam status sosio ekonomi dan sokongan sosial. Jenis perhubungan yang dikaji dibahagikan kepada dua iaitu perhubungan perkahwinan dan perhubungan bersekedudukan.

Data bagi kajian ini diperolehi daripada *National Survey of Family and Households (NSFH)* dan jumlah sampel yang terlibat adalah seramai 13,007 orang dewasa daripada populasi Amerika Syarikat. Berdasarkan analisis empirikal, dapatan menunjukkan bahawa pasangan yang terlibat dalam perhubungan secara bersekedudukan mempunyai *self-esteem* yang rendah berbanding dengan pasangan yang telah berkahwin. Dapatan yang sama diperolehi walaupun faktor pendidikan dan perbezaan status ekonomi telah dititikberatkan.

Kajian yang telah dijalankan oleh Salsali dan Silverston (2003), di kalangan pesakit psikiatrik mendapat bahawa responden yang telah berkahwin mempunyai *self-esteem* yang tinggi berbanding dengan responden yang belum berkahwin. Kajian ini menggunakan *Rosenberg Self-esteem Scale* sebagai inventori untuk menilai *self-esteem* responden. Shackelford (2001), telah menjalankan kajian yang bertujuan mengkaji dua hipotesis berkaitan fungsi *self-esteem* dalam konteks perkahwinan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang negatif antara *self-esteem* suami dengan kecurangan isteri. Hubungan antara *self-esteem* isteri dengan pengurangan yang ditunjukkan oleh suami terhadap penampilan fizikal isteri adalah hubungan yang negatif.

Salsali dan Silverstone (2003) menjalankan kajian mengenai faktor jantina dalam mempengaruhi *self-esteem* pesakit psikiatrik yang mengalami *psychosocial stressors*. Kajian ini telah menggunakan *Rosenberg self-esteem scale* dan *Janis and Field Social Adequacy scale* untuk mengukur *self-esteem* dan mendapat bahawa pesakit wanita mempunyai *self-esteem* yang rendah berbanding dengan pesakit lelaki. Di samping itu, Salsali dan Silverstone (2003) telah membahagikan sampel kajian kepada dua kumpulan kecil yang terdiri daripada pesakit yang mengalami kemurungan dan yang tidak mengalami kemurungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pesakit wanita yang mengalami kemurungan mempunyai *self-esteem* yang rendah berbanding dengan pesakit wanita yang tidak mengalami kemurungan. Manakala, wanita yang menghadapi kemurungan mempunyai *self-esteem* yang rendah berbanding dengan pesakit lelaki.

Kajian yang telah dikendalikan oleh Salsali dan Silverstone (2003) terhadap pesakit psikiatrik yang mengalami *psychosocial stressors* mendapat semakin meningkat usia seseorang pesakit semakin tinggi *self-esteem* mereka. Kajian tersebut mendapat pesakit yang berusia 60 tahun ke atas menunjukkan *self-esteem* yang tinggi berbanding dengan pesakit yang berusia kurang dari 50 tahun. Merujuk pada hasil kajian Salsali dan Silverstone (2003), individu yang berusia 51-59 tahun mempunyai *self-esteem* yang tinggi berbanding kumpulan yang berusia 25-30 tahun dan 31-40 tahun. Secara keseluruhan kajian ini menunjukkan umur memainkan peranan penting dalam mempengaruhi *self-esteem* seseorang.

Robins, Tracy, Trzesniewski, Potter dan Gosling (2001) telah melakukan kajian yang berkaitan hubungan antara personaliti dengan *self-esteem* dengan mengambil kira aspek umur sebagai pengantar. Dapatan yang diperolehi dalam hubungan antara *self-esteem* dengan *Big Five* dari aspek perbezaan umur mendapat tret kestabilan emosional mempunyai hubungan yang kuat dengan *self-esteem*, diikuti oleh tret ekstraversi. Dapatan untuk pengantar umur telah dianalisis menggunakan regresi pelbagai. Perhubungan yang wujud antara *self-esteem* dengan kestabilan emosional adalah lemah dalam lingkungan umur 80-90 tahun. Namun perkaitan yang wujud antara *self-esteem* dengan tret ekstraversi adalah lebih kuat berbanding dengan tret kestabilan emosional bagi responden yang tergolong dalam lingkungan umur 70-79 tahun dan 80-90 tahun.

Berdasarkan kajian berkaitan hubungan antara *self-esteem* dengan sosial ekonomi status yang dijalankan oleh Adler dan Stewart (2004), semakin tinggi pangkat seseorang dalam sesuatu

pekerjaan yang diceburi maka, semakin tinggi *self-esteem* individu tersebut. Kajian yang telah dilakukan oleh Emler (n.d.), mendapati individu yang mempunyai *self-esteem* yang tinggi akan berusaha mendapatkan jawatan yang tinggi untuk memperolehi pulangan yang lebih tinggi. Individu seperti ini akan kurang bertoleransi dengan gaji yang rendah. Kajian tersebut menunjukkan bahawa semakin tinggi pangkat yang dijawat oleh responden maka *self-esteem* juga akan meningkat kerana kepuasan dari segi ganjaran yang diperolehi , dan ia mempengaruhi peningkatan *self-esteem* individu.

Russell-Chapin, Chapin dan Sattler (2001), telah membuat satu kajian berkaitan hubungan antara cara penyelesaian konflik dan beberapa faktor kepuasan perkahwinan terhadap permasalahan perkahwinan. Kajian ini telah dilakukan kepada 30 orang responden yang diperolehi menggunakan kaedah persampelan jenis berlapis (*stratified*). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perhubungan yang mempunyai tahap permasalahan perkahwinan yang tinggi adalah disebabkan oleh wujudnya masalah komunikasi antara sesama pasangan. Hawkins dan Booth (2006), menyatakan bahawa individu yang hidup dalam perkahwinan yang tidak gembira akan mengalami penurunan dari segi *self-esteem*, kemerosotan kesihatan dan kegembiraan secara keseluruhan serta kepuasan hidup akan berada pada keadaan kemurungan psikologi berbanding dengan pasangan yang mempunyai perkahwinan yang gembira.

Kajian yang dilakukan oleh Lauer dan Lauer (1986) dalam Parker, 2002), mendapati bahawa daripada 351 responden yang telah berkahwin seramai 300 orang pasangan yang kedua-duanya menyatakan bahawa mereka gembira dengan perhubungan perkahwinan mereka manakala 32 orang responden iaitu salah satu daripada pasangan menyatakan bahawa perhubungan perkahwinan mereka adalah gembira dan tidak gembira sementara 19 orang responden didapati kedua-dua pasangan tidak gembira dengan perhubungan perkahwinan masing-masing. Kajian ini telah dijalankan ke atas pasangan yang telah berkahwin selama 15 tahun dan metodologi kajian adalah menggunakan borang soal selidik dan temubual. Hasil dari kajian ini mendapati bahawa 300 responden yang gembira dengan perhubungan perkahwinan mereka kerana mereka melihat pasangan adalah sebagai rakan baik mereka, saling menghargai pasangannya sebagai seorang insan, responden menganggap bahawa perkahwinan adalah satu komitmen yang berpanjangan, satu institusi yang suci dan perlu ada tolak ansur dari sesama pasangan dalam mencapai matlamat dan tujuan utama perkahwinan.

Kajian tersebut menunjukkan bahawa sikap saling bertolak ansur dan memahami antara satu sama lain akan mempengaruhi perhubungan perkahwinan sekaligus dapat mewujudkan satu perhubungan perkahwinan yang bahagia sekaligus dapat meningkatkan *self-esteem* seseorang. Hal ini dapat disokong oleh Hawkins dan Booth (2006), yang menyatakan bahawa individu yang hidup dalam perkahwinan yang gembira akan mengalami peningkatan dari segi *self-esteem*, kesihatan dan kegembiraan secara keseluruhan serta kepuasan hidup juga akan menjadi lebih baik.

Model Warriner's bagi interaksi sosial

Model ini merupakan simbolik komunikasi tradisional yang telah diperkenalkan oleh C.K. Warriner (n.d.) dalam Schulz (1972). Model ini memfokuskan kepada interaksi manusia dan cara interaksi yang simbolik antara seseorang individu dengan masyarakat. Proses komunikasi bukan sahaja tertumpu kepada pertukaran maklumat daripada pemberi kepada penerima malah lebih dari itu. Interaksi antara manusia seringkali disertai dengan pelbagai maksud dan bukanlah sekadar perpindahan maklumat yang biasa atau hanya menyatakan perkara yang berada di dalam minda. Oleh itu, dapat dilihat bahawa interaksi manusia sentiasa mempunyai

potensi untuk membentuk simbol dan sistem simbol. Jika simbol tersebut berubah maka maksud, peranan dan individu juga akan turut berubah (Schulz, 1972).

Menurut Warriner (n.d.) dalam Schulz (1972), manusia mempengaruhi individu lain melalui komunikasi yang boleh dikategorikan kepada tiga proses. Proses yang pertama adalah bertindak mengikut rujukan atau contoh tindakan orang lain. Apabila seseorang berhadapan dengan tanda-tanda komunikasi (gerak badan, *eye contact* atau sentuhan) tertentu secara tidak langsung individu tersebut akan menjadikan pengalaman lepas untuk mentafsir maksud tersebut. Aspek kedua yang terdapat dalam komunikasi adalah tindakan kewarasan yang bermaksud individu akan cuba untuk mengenalpasti dan memahami tanda-tanda yang diberikan oleh individu lain. Menurut Warriner (n.d.) dipetik dalam Schulz (1972) aspek kedua ini adalah '*human nature*' iaitu tanpa kebolehan meletakkan diri di tempat orang lain, maka sukar untuk seseorang itu mewujudkan perasaan empati dan membentuk sikap kemanusiaan. Proses komunikasi akan lengkap dengan adanya proses yang ketiga ini iaitu pengesahan. Peringkat pengesahan ini bermaksud individu akan menubuhkan beberapa fakta yang disahkan benar. Tanpa adanya proses pengesahan ini individu akan bergantung, bebas dan terlibat dengan komunikasi pada peringkat yang minimum sahaja dan maklumat yang disampaikan juga berada pada peringkat yang minimum (Schulz, 1972).

Secara keseluruhan di dalam model ini terdapat tiga proses yang dititikberatkan bagi mencapai satu bentuk komunikasi yang berkesan termasuk di dalam konteks keluarga. Menurut Schulz (1972), keluarga merupakan salah satu agen sosial yang signifikan kepada kanak-kanak dan semua ahli keluarga kerana setiap ahli keluarga merupakan contoh kepada ahli keluarga yang lain. Hal ini berlaku kerana semua ahli keluarga telah lama hidup bersama, dan mereka mampu untuk mengenalpasti setiap maksud yang cuba untuk disampaikan walaupun dalam situasi yang berbeza.

Teori Maslow

Hirarki Keperluan Maslow telah diperkenalkan oleh Abraham Maslow pada tahun 1943 dalam buku *A Theory of Human Motivation*. Ia lebih menjurus kepada keperluan asas manusia iaitu fisiologi dan psikologi. Teori ini mempunyai andaian bahawa keperluan asas yang tidak dipenuhi akan menghalang seseorang untuk memenuhi keperluan lain. Menurut Teori Maslow, terdapat lima keperluan asas manusia yang perlu dipenuhi. Komponennya terdiri dari keperluan fisiologi, keperluan sosial, keperluan *esteem*, keperluan penghargaan kendiri, dan keperluan kepuasan kendiri.

Keperluan fisiologi merujuk kepada keperluan manusia yang paling asas bertujuan meneruskan kehidupan. Contoh keperluan fisiologi adalah makanan, minuman, pakaian, rehat, tidur, udara dan seks (Boeree, 1998). Keperluan keselamatan pula dipenuhi apabila individu berasa selamat kerana bebas dari bahaya fizikal dan mental. Keperluan sosial merujuk kepada keinginan manusia untuk disayangi dan dipunyai di dalam sesebuah komuniti yang kecil iaitu keluarga. Seterusnya keperluan ini juga boleh dipenuhi dengan rasa dihargai dan terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan. Penerimaan dan rasa dikasihi oleh orang lain menyebabkan hadir perasaan kasih sayang, terbinanya hubungan yang baik dan memudahkan penerimaan oleh kumpulan sosial yang lain. Bagi keperluan penghargaan kendiri (*self-esteem*), Maslow menyatakan terdapat dua jenis keperluan *esteem* iaitu tinggi dan rendah. Keperluan penghargaan kendiri yang rendah merujuk kepada sikap menghormati orang lain, keperluan untuk memiliki status, kemasyuruan, kecemerlangan, perhatian, reputasi dan penghargaan. Manakala penghargaan kendiri yang tinggi melibatkan keperluan untuk menghormati diri sendiri seperti berasa yakin, cekap, berdikari, dan bebas. Keperluan kepuasan kendiri

merupakan peringkat tertinggi dalam hirarkinya dan semua individu cuba untuk mencapai tahap ini. Pada tahap ini tidak terlibat kestabilan dan homeostasis kerana individu yang mencapai tahap ini akan sentiasa merasa potensi diri mereka dipenuhi seperti yang dikehendaki. Bagaimanapun, untuk mencapai tahap ini semua keperluan yang lain harus dicapai terlebih dahulu. Dalam teori ini jelas menunjukkan bahawa keperluan untuk mencapai hierarki pada tahap yang tertinggi harus melalui dan memenuhi keperluan yang berada di bawah termasuk *self-esteem*.

Teori Rosenberg *Self-esteem*

Kajian yang bertajuk *Society and the Adolescent Self-Image* telah dilakukan oleh Morris Rosenberg pada tahun 1965. Kajian ini telah membuka peluang kepada psikologis dan sosiologis untuk memperbaiki perkaitan antara Teori Rosenberg *Self-esteem* dengan skala inventori bagi Rosenberg *Self-esteem* (Flynn, 2003). Dua (2) faktor utama yang menjadi prinsip kepada kewujudan Teori Rosenberg *Self-esteem* ialah gambaran penilaian dan perbandingan sosial. Menurut Rosenberg (1965) dalam Flynn, (2003), gambaran penilaian berhubung kait dengan penilaian dari perspektif individu lain yang wujud hasil dari interaksi manusia. Dalam proses untuk mengambil alih peranan orang lain, individu tersebut akan mula sedar bahawa dirinya merupakan objek kepada tumpuan, persepsi dan penilaian orang lain menyebabkan seseorang individu menilai dirinya menerusi pandangan yang diberikan oleh orang lain (Flynn, 2003).

Prinsip kedua yang terdapat dalam Teori Rosenberg *Self-esteem* adalah berkaitan perbandingan sosial. Dalam prinsip ini Rosenberg (1965) melihat *self-esteem* sebagai sebahagian akibat kepada individu yang membezakan dirinya dengan orang lain sekali gus dapat memberikan kesan sama ada positif atau negatif terhadap penilaian tersebut. Hughes and Demo (1989) dalam Flynn (2003). Menurut Flynn (2003), gambaran penilaian dan perbandingan sosial merupakan konstruk ketiga yang terdapat dalam literatur teori dan dapat disimpulkan bahawa *self-esteem* merupakan salah satu keperluan asas manusia. Oleh itu, konotasi keseluruhan menunjukkan bahawa individu yang mempunyai *self-esteem* yang tinggi akan cenderung untuk mempunyai kesihatan yang baik dan menjadi individu yang gembira manakal individu yang mempunyai *self-esteem* yang rendah akan merasa tidak puas dengan setiap yang dilakukan dan akan menjadi resah (Flynn, 2003).

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif yang menggunakan 2 jenis instrumen dalam borang soal selidik iaitu Dyadic Relationship Scale yang telah diperkenalkan oleh Skinner, Steinhauer dan Barbara (2003), dan Coopersmith Self-esteem Inventory yang telah dipelopori oleh Coopersmith (1967) . Dapatan kajian dianalisa menggunakan korelasi Spearman, korelasi Pearson dan Anova untuk melihat perkaitan variasi dalam pembolehubah bersandar dengan pelbagai variasi dalam pembolehubah tidak bersandar berdasarkan pekali korelasi. Populasi kajian ini merangkumi semua anggota tentera yang telah berkahwin di Markas 3 Briged Kem Penrissen Kuching Sarawak seramai 600 orang. Populasi ini dipilih adalah kerana kajian ini menitikberatkan hubungan antara perhubungan perkahwinan dan *self-esteem* di kalangan anggota tentera.

Pengkaji akan menggunakan teknik persampelan bertujuan di mana pengkaji telah menetapkan beberapa kriteria yang harus dipatuhi seperti responden mestilah terdiri daripada anggota tentera lelaki atau wanita yang telah berkahwin, dan bertugas sebagai anggota tentera di bawah penyeliaan Markas 3 Briged Kem Penrissen Kuching. Menurut Peil, Mitchell dan

Rimmer (1982), sekiranya persampelan bertujuan digunakan maka sampel dipilih sendiri oleh pengkaji berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Ini bermakna selagi sampel tersebut memenuhi kriteria maka sampel tersebut boleh menjadi responden pengkaji. Pengkaji boleh memilih dan menetapkan sendiri bilangan sampel yang hendak dikaji berdasarkan beberapa spesifikasi khusus yang telah ditetapkan. Kaedah ini mampu menyeimbangkan bilangan saiz kumpulan apabila pelbagai sampel kumpulan dipilih dalam kajian (Black, 1999).

Bilangan sampel anggota tentera yang dipilih dalam kajian ini adalah seramai 234 orang. Pemilihan ini dibuat berdasarkan penentuan saiz sampel yang telah ditetapkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) dalam Sidek Mohd Noah (2005).

Data yang diperolehi daripada borang soal selidik akan dianalisis menggunakan kaedah *Statistical Package for Social Sciences 12.0* (SPSS) bagi memperoleh hasil dapatan kajian. Ujian-t tidak bersandar, Ujian ANOVA sehala, dan Pekali *Pearson Product-Moment* serta Pekali *Spearman Rho* akan digunakan untuk melihat perbezaan serta perkaitan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.

Terdapat tiga bahagian utama instrumen iaitu bahagian A yang berkaitan dengan demografi responden. Bahagian B pula adalah berkaitan perhubungan perkahwinan. Bahagian C lebih menjurus kepada soalan untuk mengukur *self-esteem* responden. Kajian ini menggunakan dua instrumen iaitu *Coopersmith Self-Esteem Inventory* untuk mengukur pembolehubah bersandar iaitu *self-esteem*. Manakala instrumen *Family Assessment Measure Version III* iaitu *Dyadic Relationship Scale* digunakan untuk mengukur pembolehubah tidak bersandar iaitu perhubungan perkahwinan.

Skinner, Steinhauer dan Barbara (2003), merupakan pelopor kepada pembentukan instrumen ini. Terdapat tiga bahagian dalam instrumen ini tetapi hanya satu bahagian sahaja yang digunakan dalam kajian ini iaitu *Dyadic Relationship Scale*. Bahagian ini mengukur pembolehubah tidak bersandar iaitu perhubungan perkahwinan. Terdapat 42 item dan 7 sub skala dalam bahagian ini. Sub skala tersebut terdiri dari pencapaian tugasan, pencapaian peranan, komunikasi, ekspresi berkesan, penglibatan, kawalan, dan norma dan nilai. Item yang mewakili pencapaian tugasan adalah item yang bernombor 1, 8, 15, 22, 29, dan 36. Item 2, 9, 16, 23, 30, dan 37 pula mewakili sub skala pencapaian peranan. Dari aspek komunikasi, item yang terlibat adalah 3, 10, 17, 24, 31, dan 38. Ini diikuti oleh item ekspresi berkesan iaitu 4, 11, 18, 25, 32, dan 39. Penglibatan pula merangkumi item bernombor 5, 12, 19, 26, 33, dan 40. Manakala skala bagi kawalan dan norma adalah item bernombor 6, 13, 20, 27, 34, 41 dan skala nilai mewakili nombor 7, 14, 21, 28, 35, 42.

Darjah kebolehpercayaan instrumen ini adalah .95. Namun, setelah instrumen ini diterjemahkan dalam Bahasa Melayu dan diedarkan dalam konteks Malaysia darjah kebolehpercayaannya adalah .768. Darjah kebolehpercayaan lebih rendah dari instrumen yang asal berkemungkinan kerana item-item yang terdapat dalam instrumen tersebut kurang menepati norma dan nilai masyarakat Malaysia. Murphy dan Davidshover (1998) dalam Sidek Mohd Noah (2005), menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi nilai kebolehpercayaan sesuatu alat ukuran iaitu ciri individu yang mengambil ujian, ciri ujian itu sendiri, dan makna kegunaan skor ujian tersebut serta kaedah yang digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan.

Coopersmith Self-esteem Inventory (1967), telah dibina melalui kajian yang bertujuan menilai sikap terhadap diri sendiri secara tidak langsung. Kajian yang dibuat dari segi konteks yang spesifik adalah untuk rakan sebaya, ibu bapa, sekolah, dan minat individu. Inventori ini direka

untuk mengukur *self-esteem* di kalangan kanak-kanak. Responden dikehendaki untuk menjawab 58 item secara umum sama ada item tersebut berkaitan dengan diri atau tidak dan boleh dijawap menggunakan skala Likert 2 mata iaitu “seperti saya” dan “tidak seperti saya”.

Menurut Anastasi (1988); Blascovich and Tomaka (1991); Pervin, (1993) dalam Adler and Stewart (2004), terdapat dua jenis borang yang telah disediakan iaitu borang untuk pelajar sekolah yang terdiri dari usia 8-15 tahun dan borang untuk golongan dewasa yang berusia dari 16 tahun dan ke atas. Kebolehpercayaan untuk instrumen ini diukur menggunakan kaedah Uji dan Uji-kembali ‘*Test retest reliability*’ yang asal dan telah dilaporkan oleh Coopersmith (1967) adalah 0.88 bagi 50 orang kanak-kanak pada peringkat V (jarak masa adalah 5 minggu) dan bagi sampel 50 orang kanak-kanak yang berusia 12 tahun menunjukkan 0.70 kebolehpercayaan (jarak masa adalah 3 tahun) (Sadeghi Azar and Vasudeva, 2006). Manakala kesahan untuk inventori ini diukur menggunakan pemusatan dan membezakan maklumat (Blascovich and Tomaka, 1991 dalam Adler and Stewart, 2004).

Analisis data

Berikut merupakan rumusan penganalisisan data yang akan digunakan di dalam kajian ini.

Jadual 1: Rumusan Penganalisisan Data

Perkara	Kaedah analisis data
Mengkaji hubungan antara perkahwinan dengan <i>self-esteem</i>	Pekali <i>Spearman Rho</i>
Mengkaji hubungan antara jantina dengan <i>self-esteem</i>	Ujian-t tidak bersandar
Mengkaji hubungan antara umur dengan <i>self-esteem</i>	Ujian ANOVA sehala
Mengkaji hubungan antara pangkat dengan <i>self-esteem</i>	Ujian ANOVA sehala
Mengkaji hubungan antara komunikasi dengan <i>self-esteem</i>	Pekali <i>Pearson Product-Moment</i>
Mengkaji hubungan antara kawalan dengan <i>self-esteem</i>	Pekali <i>Pearson Product-Moment</i>

Pekali *Spearman Rho* digunakan untuk menganalisis hubungan antara perhubungan perkahwinan dengan *self-esteem*. Menurut Hishamuddin (2005), pekali *Spearman Rho* digunakan sekiranya hubungan yang wujud antara pembolehubah adalah tidak linear. Berdasarkan analisis regresi linear yang dilakukan terhadap perhubungan perkahwinan dengan *self-esteem* menunjukkan graf yang berhasil adalah tidak linear. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan pekali *Spearman Rho* untuk menganalisis hubungan antara perhubungan perkahwinan dengan *self-esteem*.

Berdasarkan jadual 2 menunjukkan nilai pekali yang diperolehi adalah rho = -0.40. nilai rho adalah negatif menunjukkan perhubungan yang wujud adalah lemah. Nilai signifikan bagi

hubungan ini adalah $p = 0.00$, ($p < 0.01$), nilai p lebih kecil daripada 0.01 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara perhubungan perkahwinan dengan *self-esteem*. Oleh itu, hipotesis nul yang pertama ditolak maka terdapat hubungan yang signifikan antara perhubungan perkahwinan dengan *self-esteem*.

Jadual 2: Hubungan antara perhubungan perkahwinan dengan *self-esteem*

	n	Pekali Spearman Rho	Signifikan 2-hujung p
Perhubungan perkahwinan <i>Self-esteem</i>	219	-0.40	0.00

Dapatan kajian ini diselaras dengan kajian yang telah dilakukan oleh Salsali dan Silverston (2003), yang menjalankan kajian ke atas pesakit psikiatrik. Dapatan kajian tersebut menunjukkan responden yang telah berkahwin mempunyai *self-esteem* yang tinggi berbanding dengan responden yang tidak pernah berkahwin.

Ujian-t tidak bersandar digunakan untuk menganalisis perbezaan antara jantina dengan *self-esteem* (Jadual 3). Nilai signifikan bagi perbezaan ini adalah $p = 1.196$, ($p > 0.05$), nilai p lebih besar daripada 0.05 menunjukkan terdapat perbezaan yang tidak signifikan antara jantina dengan *self-esteem*. Oleh itu, kajian ini mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dengan *self-esteem* maka hipotesis nul 2 diterima.

Jadual 3: Perbezaan antara jantina dengan *self-esteem*

Jantina	n	min	Ujian-t t	Signifikan 2- hujung p
Lelaki	198	32.66		
Perempuan	21	33.81	0.275	1.196

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Sieber (1997) dalam Brase and Guy (2004), yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dan wanita dalam mempengaruhi *self-esteem* masing-masing. Walau bagaimanapun ia bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Salsali dan Silverston (2003), yang mendapati terdapat perbezaan antara jantina dengan *self-esteem* kerana pesakit psikiatrik wanita mempunyai *self-esteem* yang rendah berbanding dengan pesakit lelaki.

Jadual 4: Perbezaan antara umur dengan *self-esteem*

Umur	ss	df	MS	F	P
Antara kumpulan	1136.34	2	568.17	10.18	0.000
Dalam kumpulan	11611.81	208	55.83		
Jumlah	12748.15	210			

Ujian ANOVA sehala telah digunakan untuk menganalisis perbezaan antara umur dengan *self-esteem*. Ujian ANOVA sehala ini digunakan untuk membuat perbandingan min bagi pembolehubah yang melibatkan lebih daripada dua kumpulan sampel (Hishamuddin, 2005). Nilai signifikan bagi perbezaan antara umur dengan *self-esteem* adalah $p = 0.000$, ($p < 0.05$), nilai p kurang daripada 0.05 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara umur dengan *self-esteem*. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara

umur dengan *self-esteem*. Maka, hipotesis nul 3 ditolak. Dapatkan kajian ini telah disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Salsali dan Silverston (2003) terhadap pesakit psikiatrik yang mengalami *psychosocial stressors* mendapati bahawa semakin meningkat usia seseorang pesakit semakin tinggi tahap *self-esteem* mereka.

Jadual 5: Perbezaan antara pangkat dengan *self-esteem*

Pangkat	ss	df	MS	F	P
Antara kumpulan	1463.72	8	182.97	3.350	0.001
Dalam kumpulan	11195.51	205	54.61		
Jumlah	12659.23	213			

Ujian ANOVA sehala yang digunakan untuk menganalisis perbezaan antara pangkat dengan *self-esteem* menunjukkan nilai signifikan adalah $p = 0.001$, ($p < 0.05$). Nilai p yang kurang daripada 0.05 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pangkat dengan *self-esteem*. Justeru itu, hipotesis nul 5 ditolak.

Dapatkan ini disokong oleh kajian Adler dan Stewart (2004) yang mendapati bahawa responden yang menitikberatkan pekerjaan sebagai aspek utama dalam peningkatan *self concept* akan memberi penekanan pada penghormatan dari segi pangkat yang dijawat dalam sesuatu pekerjaan sangat mempengaruhi *self-esteem* seseorang. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pangkat dengan *self-esteem* dan disokong oleh kajian lepas yang menunjukkan bahawa pangkat memainkan peranan yang penting dalam menentukan *self-esteem* seseorang. Selain itu, semakin tinggi pangkat yang dijawat oleh responden maka *self-esteem* juga akan meningkat kerana kepuasan dari segi ganjaran yang diperolehi turut mempengaruhi peningkatan *self-esteem* responden. Kenyataan ini dapat disokong oleh kajian yang telah dibuat oleh Emler (n.d.), mendapati bahawa individu yang mempunyai *self-esteem* yang tinggi akan berusaha mendapatkan jawatan yang tinggi untuk memperolehi pulangan yang lebih tinggi menyebabkan individu seperti ini akan kurang bertoleransi dengan gaji yang rendah.

Pekali *Pearson Product-Moment* telah digunakan untuk menganalisis hubungan antara komunikasi dengan *self-esteem*. Pengkaji menggunakan pekali *Pearson Product-Moment* kerana pembolehubah yang dikaji adalah selang *interval* atau nisbah dan hubungan yang wujud antara pembolehubah berbentuk linear. Pembolehubah berbentuk linear dapat dikenalpasti melalui analisis regresi linear yang dilakukan terhadap hubungan antara komunikasi dengan *self-esteem* menunjukkan graf adalah linear.

Jadual 6 menunjukkan nilai yang diperolehi adalah $r = -0.176$ dan nilai signifikan adalah $p = 0.009$, ($p < 0.01$). Nilai r adalah negatif menunjukkan terdapat hubungan yang lemah dan nilai p pula kurang daripada 0.01 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara komunikasi dengan *self-esteem*. Oleh itu, hipotesis nul 6 ditolak. Russell-Chapin, Chapin dan Sattler (2001) menjalankan kajian yang menunjukkan bahawa perhubungan yang mempunyai tahap permasalahan perkahwinan yang tinggi adalah disebabkan oleh wujudnya masalah komunikasi antara sesama pasangan. Hawkins dan Booth (2006), menyatakan bahawa individu yang hidup dalam perkahwinan yang tidak gembira akan mengalami penurunan dari segi *self-esteem*, kemerosotan kesihatan dan kegembiraan secara keseluruhan serta kepuasan hidup akan berada pada keadaan kemurungan psikologi berbanding dengan pasangan yang mempunyai perkahwinan yang gembira.

Jadual 6: Hubungan antara komunikasi dengan self-esteem

	n	Pekali Pearson r	Signifikan 2-hujung p
Komunikasi	219	-0.176	0.009
<i>Self-esteem</i>			

Berdasarkan kedua-dua kajian di atas dapat disimpulkan bahawa masalah komunikasi yang wujud antara sesama pasangan akan mempengaruhi perhubungan perkahwinan. Perhubungan perkahwinan yang tidak gembira akan menyebabkan *self-esteem*, kesihatan dan kegembiraan merosot serta mengalami kemurungan psikologi.

Pekali Pearson Product-Moment digunakan untuk menganalisis hubungan antara kawalan dengan *self-esteem*. Jadual 7 menunjukkan nilai yang diperolehi adalah $r = -0.368$, nilai r adalah negatif mewakili hubungan yang lemah. Nilai signifikan pula adalah $p = 0.000$, ($p < 0.01$) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan dengan *self-esteem*. Lantaran itu, hipotesis nul 7 ditolak dan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan dengan *self-esteem*.

Jadual 7: Hubungan antara kawalan dengan self-esteem

	n	Pekali Pearson r	Signifikan 2-hujung p
Kawalan	219	-0.368	0.000
<i>Self-esteem</i>			

Kajian yang dilakukan oleh Lauer dan Lauer (1986), dalam Parker (2002), mendapati sikap saling bertolak ansur dan memahami antara satu sama lain akan mempengaruhi perhubungan perkahwinan sekaligus mewujudkan satu perhubungan perkahwinan yang bahagia dan meningkatkan *self-esteem* seseorang. Hal ini dapat disokong oleh Hawkins dan Booth (2006) yang menyatakan bahawa individu yang hidup dalam perkahwinan yang gembira akan mengalami peningkatan dari segi *self-esteem*, kesihatan dan kegembiraan secara keseluruhan serta kepuasan hidup juga akan menjadi lebih baik.

Perkaitan antara kedua-dua kajian di atas adalah sejajar dengan kajian ini yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan dengan *self-esteem* seseorang. Kawalan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah berkaitan tentang sikap saling mempengaruhi antara satu sama lain dan dalam masa yang sama setiap pasangan bertolak ansur dalam memainkan peranan masing-masing bagi memastikan perhubungan perkahwinan berada dalam keadaan yang bahagia. Oleh itu, kawalan yang sesuai dalam perhubungan perkahwinan akan mempengaruhi *self-esteem* seseorang. Ringkasan kepada hasil analisis hipotesis dibentangkan di Jadual 8.

Jadual 8: Ringkasan Hasil Dapatan Hipotesis

Hipotesis	Kaedah pengujian	Keputusan
Ho 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara perhubungan perkahwinan dengan <i>self-esteem</i>	Pekali <i>Spearman Rho</i>	Ditolak
Ho 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan <i>self-esteem</i>	Ujian-t tidak bersandar	Diterima
Ho 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara umur dengan <i>self-esteem</i>	Ujian ANOVA	Ditolak
Ho 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pangkat dengan <i>self-esteem</i> .	Ujian ANOVA	Ditolak
Ho 5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara komunikasi dengan <i>self-esteem</i>	Pekali <i>Pearson Product-Moment</i>	Ditolak
Ho 6: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan dengan <i>self-esteem</i> .	Pekali <i>Pearson Product-Moment</i>	Ditolak

Rumusan dan Cadangan

Hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi, terdapat beberapa cadangan atau idea yang dikemukakan berkaitan aspek perhubungan perkahwinan dengan *self-esteem*. Cadangan dan idea tersebut boleh dipertimbangkan untuk memperbaiki dan merancang beberapa tindakan yang wajar diambil sama ada oleh pihak pengurusan organisasi, pekerja itu sendiri, kaunselor terutamanya kaunselor keluarga dan tidak ketinggalan kepada pengkaji akan datang. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara perhubungan perkahwinan dengan *self-esteem*. Keputusan tersebut menunjukkan bahawa keyakinan seseorang dalam melaksanakan tugasannya turut dipengaruhi oleh faktor perhubungan perkahwinan. Justeru itu, pihak organisasi boleh membantu mengekalkan perhubungan perkahwinan setiap anggota dengan cara merangka beberapa aktiviti atau program berkaitan seperti melibatkan keseluruhan ahli keluarga anggota tentera agar dapat memupuk lebih semangat kekitaan dan toleransi kerana pasangan telah mengetahui sedikit sebanyak tentang tanggungjawab pasangan mereka.

Selain itu, bengkel yang berkaitan dengan kemahiran berkomunikasi juga boleh dilaksanakan. Hal ini kerana kajian ini mendapati elemen komunikasi mampu mempengaruhi *self-esteem* seseorang. Komunikasi yang berkesan penting kerana dapat meminimumkan salah faham dengan pasangan dan dengan pihak lain tetapi dalam masa yang sama dapat mengoptimumkan perasaan berpuas hati dalam melakukan sesuatu tugasannya kerana setiap arahan dapat diberikan dengan jelas dan mudah untuk difahami. Berdasarkan kajian ini kaunselor dapat merangka beberapa modul yang bersesuaian untuk diaplikasikan dan dilaksanakan dalam organisasi berkenaan agar dapat membantu memberikan intervensi yang bersesuaian dengan isu yang

dibincangkan terutamanya berkaitan perhubungan perkahwinan dengan *self-esteem* dan faktor-faktor lain yang menyumbang kepada perkembangan *self-esteem* seseorang.

Selain itu, kajian ini juga penting kepada kaunselor sewaktu berhadapan dengan isu yang dibawa oleh klien semasa sesi kaunseling individu kerana kaunselor dapat menyedari bahawa klien bukan sahaja datang ke sesi kaunseling untuk berkongsi isu yang dialami tetapi juga ada klien yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan isu-isu yang melibatkan perkahwinan dan *self-esteem* dalam mempengaruhi pekerjaan, cara hidup dan kepuasan individu. Oleh itu, kaunselor harus bersedia dengan pelbagai maklumat terkini berkaitan isu perkahwinan dan *self-esteem* yang mempengaruhi pekerja-pekerja awam dan swasta. Sehubungan itu, pengkaji mencadangkan agar pihak organisasi dapat mewujudkan satu Unit Kaunseling yang dikendalikan oleh kaunselor sepuh masa bertujuan memberikan perkhidmatan kaunseling dan dalam masa yang sama dapat merangka pelbagai modul dan aktiviti yang diperlukan oleh anggota tentera. Pelbagai kajian dan ujian yang berkaitan dengan personaliti, kekeluargaan, konsep kendiri, dan pelbagai isu yang berkaitan dengan pembentukan peribadi individu dapat dijalankan dan langkah untuk mengatasi sesuatu isu dapat dilaksanakan menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan dapatan kajian. Kajian yang telah dilaksanakan ini diharap dapat menjadi platform kepada pengkaji akan datang untuk mengkaji dengan lebih mendalam dan melibatkan keseluruhan sub skala instrumen kajian yang berkaitan perhubungan perkahwinan dengan *self-esteem*. Hal ini demikian kerana kajian yang dilakukan kini hanya fokus pada dua daripada tujuh sub skala yang terdapat dalam instrumen perhubungan perkahwinan. Di samping itu, kajian ini juga boleh diperluaskan lagi ke markas tentera yang lain agar dapatan kajian yang diperolehi dapat mencakupi keseluruhan anggota tentera yang berkhidmat di Sarawak khasnya dan di Malaysia amnya. Kajian ini juga boleh dilaksanakan di organisasi lain.

Pengkaji akan datang juga boleh menambahkan soalan terbuka dalam borang soal selidik. Penggunaan soalan terbuka mampu untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang kajian ini dan responden dapat memberikan pandangan yang lebih subjektif. Hasil dapatan kajian yang diperolehi kemungkinan lebih menyeluruh dan menepati objektif pengkaji. Mereka juga disarankan untuk memastikan bilangan responden lelaki dan wanita adalah seimbang agar analisis untuk membuat perbezaan antara jantina lelaki dan wanita diperolehi dengan lebih baik dan menepati beberapa kriteria agar tidak berlakunya bias. Selain itu, pengkaji akan datang juga boleh menggunakan kaedah kualitatif untuk membuat kajian berkaitan perhubungan perkahwinan dengan *self-esteem*. Kajian yang berbentuk kualitatif kemungkinan akan memberikan dapatan kajian yang lebih mendalam dan spesifik terhadap sesuatu faktor yang terdapat dalam perhubungan perkahwinan dalam mempengaruhi *self-esteem* responden.

Rujukan

- Adler, N. and Stewart, J. (2004). *Self-esteem. Research network on socioeconomic status and health*. Diperolehi pada Julai 17, 2006, dari <http://www.macses.ucsf.edu/Research/Psychosocial/notebook/selfesteem.html>
- Berns, R.M. (2004). *Child, family, school, community socialization and support* (6th ed.). United States, America: Thomson Learning.
- Black, T. R. (1999). *Doing qualitative research in the social sciences*. London: SAGE Publications Ltd.

- Boeree, C. G. (1998). *Personality theories: Abraham maslow 1908-1970*. Diperolehi pada Julai 27, 2006, dari <http://www.ship.edu/~cgbboeree/maslow>.
- Brase, G. L. and Guy, E. C. (2004). The demographics of mate value and self esteem. *Personality and Individual Differences*, 36: 471-484.
- Brown, S. L. and Longmore, M. A. (2002). Union type and adult self-esteem. *Center for Family and Demographic Research*. 1-37. Diperolehi pada April 16, 2007, dari http://www.bgsu.edu/organizations/cfdr/research/pdf/2002/2002_09.pdf
- Emler, N. (n.d.). *Self-esteem the cost and causes of low self worth*. Diperolehi pada Januari 1, 2007, dari <http://www.jrf.org.uk/bookshop//eBooks/1859352510.pdf>
- Flynn, H. K. (2003). *Self-esteem theory and measurement: A critical review*. Diperolehi pada April 16, 2007, dari <http://www.thirdspace.ca/articles/kohlflynn.htm>
- Hawkins, D. and Booth, A. (2006). *Unhappy marriages detrimental to self-esteem and health*. Diperolehi pada April 16, 2007, dari <http://www.medicalnewstoday.com/medicalnews.php?newsid=36653>
- Hishamuddin, Md Som. (2005). *Panduan mudah analisis data menggunakan SPSS windows*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Khasgiwala, R. (1993). *Family dynamics social perspective*. India: Anmol Publications.
- McNeal, C. T. (n.d.). *Marital disruption and marital control among Black Americans*. Diperolehi pada April 16, 2007, dari <http://www.rcgd.isr.umich.edu/prba/perspectives/spring1998/cmcmneal.pdf>
- Parker, R. (2002). Why marriages last: a discussion of the literature. *Australian institute of family studies*, 28: 1-26.
- Peil, M., Mitchell, P.K., and Rimmer, D. (1982). *Social science research methods: An African handbook*. London: Hodder and Stoughton.
- Robins, R. W., Tracy, J. L., Trzesniewski, K., Potter, J., and Gosling, S. D. (2001). Personality correlates of self-esteem. *Journal of research in personality*, 35: 463-482.
- Russell-Chapin, L. A., Chapin, T. J., and Sattler, L. G. (2001). The relationship of conflict resolution styles and certain marital satisfaction factors to marital distress. *The Family Journal: Counseling and Therapy for Couples and Families*, 9(3): 259-264.
- Sadeghi Azar, I.A. and Vasudeva, P. (2006). Self-efficacy and self-esteem: A comparative study of employed and unemployed married women in Iran. *Journal of Psychiatry*. 9: 111-117. Diperolehi pada Ogos 8, 2006, dari <http://www.gjpsy.uni-goettingen.de/gjp-article-sadeghi.pdf>
- Salsali, M., and Silverstone, P. H. (2003). Low self-esteem and psychiatric patients: Part II – The relationship between self-esteem and demographic factors and psychosocial stressors in psychiatric patients. *Annals of General Hospital Psychiatry*. 2(3).

Diperolehi pada Julai 23, 2006, dari <http://www.annals-general-psychiatry.com/content/pdf/1475-2832-2-3.pdf>

Scott, P.G. (2001). Evaluation of the “Connections: Relationships and marriage” curriculum. *Journal of Family and Consumer Sciences Education*, 19(1), 1-14. Diperolehi pada Julai 28, 2006, dari <http://www.natefac.org/JFCSE/vol19no1/v19no1Gardner.pdf>

Schulz, D.A. (1972). *The changing family its function and future* (2nd ed.). New Jersey: Prentice-Hall, Inc.

Shackelford, T. K. (2001). Self-esteem in marriage. *Personality and individual differences*, 30(3): 371-390. Diperolehi pada April 16, 2007, dari <http://www.ingentaconnect.com/content/els/>

Sidek Mohd Noah. (2005). *Pengujian dan penilaian dalam kaunseling teori dan aplikasi*. Selangor Darul Ehsan: Malindo Printers Sdn Bhd.

Skinner, H.A., Steinhauer, P.D. and Barbara, J.S. (2003). *Family assessment measure version III (FAM III)*. United States, America: Multi-Health Systems, Inc.

Stinnett, N., Walters, J., Stinnett, N. (1991). *Relationship in marriage and the family* (3rd ed.).United States America: Macmillan Publishing Company.

Wilson, C. M., and Oswald, A. J. (2005). *How does marriage affect physical and psychological health? A survey of the longitudinal evidence*. Diperolehi pada April 8, 2007, dari <http://www.oneplusone.org.uk/information/InfoSheets/Predictors Of Relationship Quality.pdf>